

09 MAR 1999

Sabah-Khalil

KEHADIRAN PEMIMPIN PUSAT BAWA KESAN POSITIF

Oleh: Roslan Ariffin

KOTA KINABALU, 9 Mac (Bernama) -- Penduduk Sabah telah menerima hakikat bahawa kehadiran pemimpin-pemimpin pusat ialah untuk membantu mereka dan ini mendatangkan kesan positif kepada peluang Barisan Nasional dalam pilihan raya negeri kesembilan ini, kata Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob.

Bercakap selaku penyelarass jentera pilihan raya BN, beliau berkata penerimaan terbuka dan secara baik masyarakat setempat terhadap kehadiran pemimpin-pemimpin dari Kuala Lumpur itu sekaligus menolak dakwaan pembangkang kononnya kunjungan seperti itu bertujuan menjajah rakyat Sabah.

"Kehadiran pemimpin pusat kali ini telah membuahkan hasil yang amat positif kerana ia dapat merobohkan benteng pemisah antara penduduk Sabah dan Semenanjung yang wujud sejak sekian lama," katanya kepada Bernama di sini.

Khalil yang berada di sini sejak lebih sebulan lepas, berkata perkembangan terkini itu memberi perangsang kepada petugas jentera pilihan raya BN khususnya dari Semenanjung kerana ia meninggalkan kesan positif dalam konteks integrasi nasional yang sering menjadi sekatan bagi menggabungkan kekuatan kedua-dua pihak.

Katanya rakyat Sabah kini boleh menerima hakikat bahawa kehadiran pemimpin dari Semenanjung bukan untuk "menyusahkan tetapi sebenarnya datang untuk membantu mereka."

"Umpamanya dalam menjalankan kempen-kempen menjelang pilihan raya, kita tidak berada di hadapan sebaliknya pemimpin-pemimpin Sabah itu sendiri yang memainkan peranan utama. Kita hanya sekadar membantu dalam keadaan dan perkara yang perlu sahaja," katanya.

Perkembangan itu tercapai kerana pemimpin-pemimpin dan jentera BN dari Semenanjung telah dapat memahami sanubari dan adat resam serta budaya masyarakat tempatan sehingga mereka dapat menyesuaikan diri di kalangan rakyat dengan begitu mudah.

Keadaan seperti itu tidak dapat dicapai semasa kunjungan pemimpin dan jentera BN pada beberapa pilihan raya yang lepas kerana bukan sahaja penampilan dan program mereka tidak dapat disusun dengan teratur tetapi mereka dari negeri-negeri di semenanjung belum dapat menghayati kehendak penduduk tempatan, katanya.

Khalil berkata keikhlasan pemimpin dari Semenanjung bagi membantu Sabah terbukti menerusi komitmen yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sering berulang-alik mengunjungi Sabah bagi memastikan rakyat negeri itu memahami betapa perlunya BN terus memimpin Sabah untuk kesejahteraan rakyatnya.

"Keikhlasan pemimpin-pemimpin dari Semenanjung terhadap Sabah terpancar daripada perhatian yang begitu serius yang diberikan oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri secara peribadi," katanya.

Ditanya mengenai peluang BN pada pilihan raya Sabah kali ini, beliau berkata dengan kehadiran jentera pilihan raya dari Semenanjung ia tentu tidak dapat diukur dengan "angka" tetapi yang nyata ialah rakyat Sabah telah memberikan sambutan di luar dugaan kepada mereka dan pemimpin dari Semenanjung.

"Daripada kemesraan yang ditunjukkan, kita yakin mereka telah menerima dengan sepenuh hati serta terbuka dasar-dasar yang cuba ditonjolkan oleh BN," katanya.

Malahan, kata beliau, mereka kini sedar bahawa dasar-dasar yang diperjuangkan oleh BN itu adalah yang terbaik serta menjadi formula yang paling berkesan dalam tempoh jangka panjang bagi kepentingan negara.

Kenyataan Khalil itu diperakui oleh Datuk Zakaria Md Deros, Ketua Penyelaras UMNO Selangor bagi pilihan raya kali ini berdasarkan penilaiannya sendiri sejak beberapa minggu lepas ketika berkempen di Tuaran dan Kota Belud.

"Kita bersama-sama pemimpin tempatan masuk dari sebuah kampung ke sebuah kampung bagi menyelesaikan masalah rakyat, dan jika ada kemampuan, kita tidak berlengah untuk memberi bantuan kepada rakyat setempat," katanya.

Beliau berkata daripada pengamatannya, masalah rakyat Sabah terutama di pedalaman adalah lebih kepada masalah keperluan asas seperti jalan kampung, jeti, peralatan pertanian dan keperluan rumah tangga yang tidak mampu disediakan sebelum ini.

"Apabila kita mengetahui kekurangan yang ada kita cuba penuhi segera kekurangan itu," katanya.

-- BERNAMA

RAR MAI